

FAKTOR PENCETUS GEJALA BULI DALAM KALANGAN REMAJA: SATU SOROTAN LITERATUR

FACTORS CAUSING BULLYING SYMPTOMS AMONG ADOLESCENTS: A LITERATURE REVIEW

Setiati Hamidah ¹
Azrin Ibrahim ^{2*}

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang
(Email: setiasudirman@student.usm.my)

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang
(Email: azrinibrahim@usm.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 17-11-2023
Revised date : 18-11-2023
Accepted date : 13-1-2024
Published date : 15-1-2024

To cite this document:

Hamidah, S, & Ibrahim, A. (2023). Faktor pencetus gejala buli dalam kalangan remaja: Satu sorotan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 542 – 550.

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengkaji dan menganalisis faktor gejala buli yang berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan penganalisan data daripada sumber dokumentasi bagi menjawab persoalan mengenai faktor pencetus gejala buli dalam kalangan remaja. Kajian ini dijalankan bagi membuka minda masyarakat akan faktor pencetus gejala buli yang berlaku dalam kalangan remaja agar isu buli ini dapat diatasi secara optimum oleh semua lapisan masyarakat yang terlibat.

Kata Kunci: gejala buli, remaja

Abstract: The purpose of this paper is to study and analysis the factors of bullying symptoms that occur among adolescents. This study uses a qualitative approach with the analysis of data from documentation sources, in order to answer questions about the factors that trigger bullying symptoms among adolescents. This study was conducted to open the public's mind to the factors that trigger the symptoms of bullying that occur among teenagers so that this issue of bullying can be optimally overcome by all levels of society involved.

Keywords: bullying, factors, adolescents

Pendahuluan

Remaja merupakan aset negara dan pemimpin generasi masa hadapan. Jatuh bangunnya sesebuah negara pada masa akan datang dapat dilihat melalui kepimpinan dan kebolehpayaan remaja pada hari ini. Mereka merupakan golongan yang akan membantu dan menyokong Malaysia mencapai aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan gagasan Malaysia Madani. Gagasan Malaysia Madani yang bertunjangkan sikap saling menghormati dan meraikan kepelbagaian membawa kepada Malaysia sebagai satu negara madani yang tegak berteraskan prinsip kelestarian, ihsan, saling menghormati antara satu sama lain dan membawa kepercayaan menuju Malaysia baharu di persada dunia. Namun, gagasan dan matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya remaja hari ini masih bergelut dalam mencari indentiti diri dan berusaha naik dengan cara menjatuhkan yang lain.

Isu buli yang semakin mendominasi sekolah-sekolah terutamanya di sekolah berasrama merupakan salah satu perkara yang tidak seharusnya dipandang enteng oleh masyarakat. Hal ini kerana isu buli boleh membawa kepada trauma seumur hidup bahkan boleh membawa kepada kematian dan wajar dianggap jenayah berat (Sinar Harian, 2021; Nor Syamira Liana Nor Ashaha, 2023). Perdana Menteri Malaysia ke-7, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan remaja bahawa buli bukanlah suatu kegiatan atau aktiviti yang boleh dibanggakan bahkan tindakan tersebut membawa kepada budaya samseng seterusnya menjadi kes polis (BERNAMA, 2022). Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), CP Dato' Sri Abd. Jalil Hassan menyatakan kepada media pada Mei 2022, sebanyak 38 kes buli berlaku di sekolah dalam tempoh 4 bulan (Muhammad Afham Ramli, 2022). Hal ini disokong oleh kenyataan Datuk Seri Hamzah Zainudin dalam mengulas statistik kes buli yang direkodkan pada Januari 2022 hingga Julai 2022, bahawa terdapat 122 kes buli telah berlaku sepanjang tempoh tersebut (BERNAMA, 2022). Secara keseluruhannya pada tahun 2022, terdapat 3, 887 kes buli yang direkodkan pada tahun 2022 sahaja. Terbaru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan bahawa sebanyak 4, 994 kes berkaitan buli telah direkodkan sepanjang Januari hingga Oktober 2023 (Latifah Arifin, 2023). Kes-kes ini merupakan kes buli yang telah direkodkan secara rasmi dan perkara ini tidak menafikan bahawa terdapat lebih banyak lagi kes-kes buli sama ada secara fizikal atau mental yang tidak direkodkan berdasarkan kenyataan Datuk Seri Hamzah bahawa generasi baharu beranggapan buli itu perkara biasa (BERNAMA, 2022).

Kenyataan ini menjadi titik tolak kajian ini dilakukan. Hal ini kerana secara ringkasnya , pengkaji ingin mengkaji apakah faktor yang membawa kepada aktiviti buli ini berlaku.

Sorotan Literatur

Penghasilan artikel ini adalah berkaitan faktor pencetus gejala buli dalam kalangan remaja¹. Oleh itu, penelitian ke atas literatur-literatur sedia ada adalah berkaitan buli. Buli² merupakan suatu tindakan dengan niat untuk menyakitkan hati dan memberi tekanan kepada seseorang dan boleh dianggap sebagai salah satu penderaan rakansebaya (*peer abuse*). Ia juga merupakan semua bentuk penindasan atau kekerasan yang dilakukan dengan sengaja oleh seseorang secara bersendirian atau berkumpulan dengan tujuan untuk menyakiti orang lain dan dilakukan secara terus (Intan Mas Ayu Shahimi, 2022).

¹ World Health Organization (WHO) mendefinisikan remaja ialah seseorang yang berusia antara 10 hingga 19 tahun.

² Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2005), buli membawa maksud suatu perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru.

Terdapat tiga elemen buli dalam kalangan pembuli iaitu secara fizikal, lisan dan antisosial (Olweus, 1995; Khalid Mahadi, 2007). Tingkah laku buli secara fizikal ialah sepertimemukul, menarik rambut dan menendang. Aktiviti buli secara verbal pula seperti mengejek, menghina dan mengusik. Sementara itu, tingkah laku buli secara anti sosial pula dalam bentukpemulauan oleh rakan sebaya, menggosip, memfitnah dan merosakkan harta benda (Khalid Mahadi, 2007). Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak Republik Indonesia (2016) mengklasifikasikan aktiviti buli kepada enam bahagian iaitu buli secara fizikal seperti memukul, buli secara verbal seperti mengugut, buli secara non-verbal seperti membuat ekspresi muka mengejek, buli non-verbal tidak langsung seperti mengirimkan surat layang, buli siber iaitu tindakan menyakiti orang lain menggunakan media dan pelecehan seksual. Aktiviti buli sering kali dikaitkan dengan remaja berikutan isu-isu yang ditularkan di media sosial serta paparan akhbar. Berikutan isu buli dalam kalangan remaja yang semakin berleluasa, KPM telah mengambil langkah awal dengan mewar-warkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Bawah KPM yang mengandungi tindakan-tindakan yang akan diambil apabila berlakunya isu buli (BERNAMA, 2024).

Isu buli yang berlaku dalam kalangan remaja terutama yang berlaku dalam kawasan sekolah, seharusnya ditangani oleh pihak sekolah dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat sesetengah ibu bapa kurang meletakkan kepercayaan kepada pihak sekolah. Hal ini membawa kepada penularan berita di media sosial seperti yang berlaku kepada ibu salah seorang mangsa buli di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) (Nurul Hidayah Bahaudin, 2023). Perkara ini sedikit sebanyak menjejaskan nama baik sekolah sekaligus membawa kepada jatuhnya kredibiliti sesebuah institusi akademik.

Isu buli ini wajar dipandang serius kerana hal ini akan memberi impak bukan sahaja impak jangka masa panjang dan mempengaruhi psikologi mangsa buli, bahkan kepada pembuli itu sendiri. Hal ini kerana sekiranya aktiviti pembulian ini tidak dibendung sedari awal, perkara ini akan membawa kepada berlakunya kes-kes jenayah pada masa akan datang (Husnizam Hosin, 2022).

Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor berlakunya gejala buli yang semakin berleluasa terutamanya di Malaysia berdasarkan dokumen-dokumen dan kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Maka pengkaji menyusun semula faktor-faktor berlakunya gejala buli sama ada di Malaysia atau luar Malaysia agar dapat membuka minda segenap lapisan masyarakat akan perkara tersebut.

Kajian luar Malaysia

Pengkaji mengambil beberapa artikel berkenaan buli yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji luar Malaysia. Hasil kajian ini dapat dilihat seperti kajian oleh Asdrian Ariesto (2009) yang mengkaji berkenaan tahap keberkesanan pelaksanaan *Antibullying Teacher Empowerment Program (TEP)* di sekolah di Jakarta Selatan, Indonesia. Menurut Asdrian Ariesto (2009), faktor buli ada lima iaitu keluarga, sekolah, rakan sebaya, persekitaran sosial dan media massa. Kajian yang dilakukan oleh Ersilia Menesini dan Christina Salmivalli (2017) di United States pula menyatakan bahawa faktor utama kes pembulian disekolah ialah kerana faktor individual dan kerana wujudnya pembahagian kelas mengikut tahap (*level*). Hal ini akan membuatkan para pelajar merasa tersisih lebih-lebih lagi layanan guru terhadap pelajar berbeza mengikut kelas. Sementara Valerie L. Marsh (2018) yang juga melaksanakan kajian di United States

mengemukakan lima faktor remaja menjadi seorang pembuli iaitu faktor individual, keluarga, rakan sebaya, guru dan sekolah. Risha Desiana Suhendar (2018) melalui kajian di Tangerang, Indonesia mendapati tiga faktor teratasnya pembulian iaitu faktor keluarga, media massa dan rakan sebaya. Kajian oleh Ani Sarifah Hidayati dan Djumali (2019) di Klaten Utara, Indonesia, mengemukakan beberapa faktor penyebab buli antaranya termasuklah faktor keluarga sebagai penyebab utama kes buli, faktor rakan sebaya, dan faktor media massa. Sesetengah remaja memilih untuk menjadi pembuli kerana mereka merupakan mangsa buli (Sigit Nugroho, Seger Handoyo dan Wiwin Hendriani, 2020).

Kajian di Malaysia

Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Norzalinda Mohd Ali Hanafiah (2015) dalam kajian mereka mendapati bahawa perkara utama yang menyumbang kepada faktor delinkuensi remaja ialah faktor keluarga. Majoriti dari responden mempunyai latar belakang ibu bapa yang bercerai. Faktor berlaku delinkuensi dan buli hampir mempunyai kesamaan kerana buli merupakan salah satu perkara yang termasuk dalam delinkuensi dan merupakan salah satu kategori berat di sekolah (Putri Zuleikha, 2022). Fathilah Akmal Ismail, Mohd Mahzan Awang dan Abdul Razaq Ahmad (2016), dalam kajian mereka membahagikan faktor berlaku kes pembulian kepada lima iaitu jantina, individu, keluarga, rakan sebaya dan media massa. Mohd Rodzi Akob (2019) melihat bahawa pembuli secara kognitifnya ingin mencari identiti sendiri, ingin dihormati dan dikagumi tetapi pada masa yang sama mereka mahu berada dalam keadaan selamat yang membawa kepada terjadinya perlakuan drastik untuk memenuhi kehendak mereka tanpa mengira baik atau buruknya perkara tersebut kepada orang lain. Menurut Nur Adlin Yusof dan Mohd Izwan Mahmud (2019), faktor buli dilahirkan oleh diri sendiri, rakan sebaya, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan media. Hasil analisis mereka, faktor yang paling dominan ialah faktor individual dan rakan sebaya. Mohd Razimi Husin dan lain-lain (2020), menambah faktor berlakunya pembulian ialah kerana tekanan yang dihadapi oleh pembuli dan faktor paling utama berlakunya kes buli ialah kerana kurangnya didikan agama dari ibu bapa. Maruwiah Ahmat dan Nur Liyana Abu Bakar (2021) dalam buku *Buli, Ponteng & Penyalahgunaan Gajet Merugikan Diri* membahagikan faktor berlaku kes buli di sekolah kepada empat iaitu melibatkan diri pelajar atau remaja itu sendiri, masalah keluarga, kurang didikan agama dan pengaruh rakan sebaya. Kajian yang dilakukan oleh Vikneswaran Sabramani dan lain-lain (2021), faktor buli di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia terbahagi kepada empat iaitu diri sendiri, keluarga, rakan sebaya dan sekolah. Ahmad Azam Mohd Shariff dan lain-lain (2021), dalam kajian mereka berkenaan faktor kanak-kanak dan remaja menjadi pembuli ialah kerana kerosakan hubungan ibu bapa dan anak yang diakibatkan oleh tekanan hidup.

Hasil Kajian

Berdasarkan kajian lepas sama ada di luar Malaysia mahupun di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa isu buli ini merupakan suatu isu yang tidak dapat dipandang enteng kerana perkara buli ini berlaku di mana-mana sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan negara. Ramai tidak menyangka bahawa Malaysia merupakan negara ke enam tertinggi di dunia dengan kes buli dan kedua tertinggi di Asia (Norzalina, 2022). Maka di sini pengkaji mengemukakan tiga faktor utama pencetus buli yang mempunyai pengulangan tertinggi oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Faktor individual

Individual membawa maksud suatu sifat atau keperibadian seseorang yang tidak terikat dengan orang lain (DBP, 2005). Faktor individual yang menjadi pencetus gejala buli dalam kalangan remaja tidak sepenuhnya disebabkan oleh sikap remaja sahaja. Hal ini kerana manusia secara fitrahnya suka akan kebaikan dan mencintai kelembutan. Kanak-kanak dilahirkan suci dan setiap individu lahir dan dibesarkan oleh persekitaran mereka hingga membentuk remaja pada hari ini (Adibah Sulaiman et al., 2020; Al-Musayyar M, 2021). Kebanyakan mereka yang terlibat dengan delikueni seperti buli ini merupakan seseorang yang pernah didera ketika kecil. Kajian yang dilakukan oleh Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Norzalinda Mohd Ali Hanafiah (2015), mendapati bahawa majoriti dari responden kajian mereka merupakan mangsa dera secara fizikal seperti dipukul, ditampar dan disepak manakala sebahagian lagi didera secara seksual.

Hal ini memberi impak kepada psikologi remaja membuatkan mereka membesar sebagai seseorang yang menyimpan rasa marah dan dendam yang membawa kepada pelampiasan terhadap orang lain. Sesetengah pembuli merupakan bekas mangsa buli. Menurut Sigit Nugroho dan lain-lain (2021), mangsa buli akan mengalami enam fasa sebelum berjaya menjadi seorang pembuli. Fasa pertama ialah ketika mereka menjadi mangsa buli, sama ada dibuli secara fizikal, verbal, non-verbal atau apa sahaja jenis dan perlakuan buli yang mereka terima. Kedua mangsa buli tersebut mengalami reaksi psikologi seperti rasa kecewa, marah, sedih dan takut. Seterusnya, mereka akan mengalami rasa kecewa yang melampau berikutan daripada emosi di fasa kedua. Keempat, mangsa buli ini akan mengalami *Maladaptive Daydreaming Disorder* iaitu mereka akan melamun atau berfantasi akan sesuatu perkara hingga perkara tersebut mengganggu emosi dan pemikiran mereka. Kelima merupakan fasa percubaan. Pada fasa percubaan, mangsa buli ini akan mula belajar membuli remaja lain yang lebih lemah dari segi fizikal atau sesiapa sahaja yang mereka yakin akan mampu menguasai remaja tersebut. Mangsa buli baru akan menunjukkan reaksi negatif seperti yang dialami oleh mereka pada fasa awal, perkara ini akan menambah keyakinan dan menanam rasa percaya diri ke dalam diri si pembuli hingga akhirnya remaja pada awalnya merupakan mangsa buli, akhirnya menjadi seorang pembuli yang membuli orang lain. Perkara ini sekiranya tidak dibendung akan menjadi kitaran yang tidak berkesudahan, seterusnya akan memberi impak kepada pembangunan ketamadunan negara.

Faktor rakan sebaya

Rakan sebaya tidak terhad kepada rakan-rakan di sekolah sahaja. Kawasan kejiranan juga dianggap sebagai rakan sebaya kerana mereka membesar bersama-sama dalam suatu lingkungan kejiranan yang sama. Hasil kajian yang dilakukan oleh Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju (2010) menunjukkan bahawa penolakan rakan sebaya merupakan salah satu faktor remaja terlibat dengan gejala negatif. Remaja memilih untuk menjadi pembuli bagi mendapatkan sokongan daripada rakan-rakan yang secara tidak langsung membantu mereka meraih populariti yang diidamkan (Kementerian Pemberdayaan Perempuan Dan Perlindungan Anak Republik Indonesia, 2016). Ia juga menjadi penyebab kepada remaja supaya mereka diterima oleh rakan-rakan mereka dan dianggap sebahagian daripada sesuatu kumpulan walaupun mereka sedar bahawa tindakan mereka merupakan suatu tindakan yang salah, namun perasaan ingin diterima melebihi segala-galanya (Kementerian Kesihatan Republik Indonesia, 2023). Bagi remaja, penerimaan sesuatu kumpulan merupakan suatu kejayaan kepada mereka dan menandakan kejayaan mereka dalam bergaul dan bersosial dengan rakan sebaya. Perkara ini menurut mereka penting kerana mereka berpendapat bahawa penerimaan rakan-rakan dapat membuatkan mereka berkongsi pengalaman dan tidak tergolong dalam golongan anti-sosial, 'nerd' dan tidak

mengikut arus peredaran zaman (Ani Sarifah Hidayati & Djumali, 2019). Sesetengah remaja pula membuli sekadar untuk suka-suka dan bergurau pada awalnya. Mereka sekadar mengusik pelajar-pelajar perempuan dan mendapati perlakuan tersebut mendatangkan keseronokan, persetujuan dan sokongan daripada rakan-rakan sekelas yang lain (Mohd Razimi Husin et al, 2020). Hal ini membuatkan mereka merasa bangga dan akan sentiasa mengulangi perkara tersebut hingga menyebabkan mangsa usikan merasa terganggu.

Faktor keluarga

Menurut ahli psikologi Amerika Syarikat, keluarga memberi pengaruh dominan yang menjadi penyebab utama remaja menjadi seorang pembuli (Gita Mutiara, 2021). Hal ini dapat dilihat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norruzeyati Che Mohd Nasir dan Norzalinda Mohd Ali Hanafiah (2015), majoriti daripada responden yang terlibat dengan delinkuen merupakan anak-anak kepada pasangan yang bercerai. Pergaduhan antara ibu dan bapa membuatkan anak membesar dalam keadaan tertekan (Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah, 2015; Valerie L. Marsh, 2018; Nur Adlin Yusof & Mohd Izwan Mahmud, 2020; Vikneswaran Sabramani et al., 2021; Ahmad Azam Mohd Sharif et al., 2021). Pelbagai perkara yang boleh menyebabkan institusi kekeluargaan musnah, antaranya disebabkan oleh faktor ekonomi yang membuatkan ibu dan ayah berada dalam keadaan tertekan (Ahmad Azam Mohd Sharif et al., 2021). Selain itu, remaja yang membesar dalam keluarga yang menghadapi keganasan rumah tangga turut menjadi faktor utama punca pembulian. Ibu bapa yang terlalu mengongkong anak dengan pelbagai jenis undang-undang dan larangan juga salah satu punca kepada anak memberontak dan menjadi seorang pembuli (Ani Sarifah Hidayati & Djumali, 2019). Kajian yang dijalankan oleh Ani Sarifah Hidayati dan Djumali (2019) menunjukkan respon responden yang terlibat dengan isu buli kebanyakan mereka kurang komunikasi bersama keluarga ketika di rumah. Komunikasi antara anak-anak dan ibu bapa sangat penting kerana anak-anak dibentuk oleh kedua ibu bapanya. Selain untuk mendapatkan kasih sayang daripada ibu bapa, ibu bapa juga merupakan *role model* pertama anak-anak, maka setiap tindakan ibu bapa akan diperhatikan oleh anak-anak dan diaplikasikan dalam kehidupan (Risha Desiana Suhendar, 2018).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, isu buli bukanlah isu yang asing di seluruh dunia khususnya di Malaysia. Secara umumnya, mangsa buli merupakan seseorang yang lebih lemah sama ada dari aspek fizikal, atau psikologikal. Kebanyakan mangsa buli akan menyalahkan diri sendiri berikutan merasa diri lemah dan tidak berguna. Sesetengah mangsa buli akan bereaksi dengan menjadikan dirinya sebagai pembuli, tetapi ada sesetengah mangsa memilih jalan singkat dengan cara membunuh diri. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa seseorang pembuli tidak mempunyai daya tahan emosi yang tinggi seperti dimiliki oleh mangsa buli. Pembuli mudah terpicu emosinya sama ada apabila marah, sedih, dan tertekan.

Faktor pencetus kes buli dalam kalangan remaja pula lebih tertumpu kepada faktor individual dan keluarga, sebelum diikuti oleh faktor rakan sebaya dan pengaruh media massa. Manusia secara fitrahnya mencintai kebaikan. Hal ini dapat dilihat dalam Piramid Maslow, keperluan paling tinggi yang diperlukan oleh seseorang ialah keperluan aktualisasi diri iaitu hidup dalam keadaan penuh ketenangan dan hidup saling menghormati sesama masyarakat tanpa ada sifat cemburu. Apabila keadaan ini berjaya dicapai, nescaya ketamadunan manusia akan meningkat ke arah yang lebih positif sekaligus dapat mencapai gagasan Malaysia Madani yang berteraskan toleransi dan saling menghormati antara masyarakat.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** yang membiayai geran penyelidikan yang menghasilkan artikel ini melalui pembiayaan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) [001-0006712068] bertajuk Pembinaan Model Inovasi Ta'dib Hisbah (Ta-His) Untuk Pembangunan Insaniah Remaja Asrama di Malaysia.

Rujukan

- Adibah Sulaiman, Noorsafuan Che Noh, dan Ezad Azraai Jamsari. (2020). Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal. *Sains Insani* 2020, 05(2)
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, Mohd Zamre Mohd Zahir, dan Fatimah Yusro Hashim (2021). Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah. 29 *JUUM* 3 - 13 <https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-0>
- Al Musayyar, M. (2021). *Kanak-Kanak: Sebidang Kain Putih* (M. S. Ismail, Trans.). Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Ani Sarifah Hidayati dan Djumali. (2019). *Faktor-Faktor Penyebab Bullying Di Kalangan Peserta Didik Era Milenial (Studi Kasus: Siswa-Siswi SMK Muhammadiyah 2 Klaten Utara)*. Skripsi thesis, Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Asdrian Ariesto. (2009). *Pelaksanaan Program Antibullying Teacher Empowerment Program (TEP) di Sekolah*. Diakses pada 18 Januari 2024 daripada <https://lib.ui.ac.id/file?file=digital/123656-SK%20006%2009%20Ari%20p%20-%20Pelaksanaan%20program-HA.pdf>
- Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju. (2010). *Pengaruh Negatif Rakan Sebaya*. Pengaruh Negatif Rakan Sebaya . pp. 1-4.
- BERNAMA. (2022, 29 April). Jangan Banggakan Buli, Bawa Kepada Budaya Samseng - Dr Mahathir Sedih. Astro Awani. Diakses pada 18 Januari 2024, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-banggakan-buli-bawa-kepada-budaya-samseng-dr-mahathir-sedih-359183>
- BERNAMA. (2024, 6 Januari). KPM Siasat Kes Buli Pelajar. Berita Harian Online. Diakses pada 17 Januari 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196990/kpm-siasat-kes-buli-pelajar>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ersilia Menesini & Christina Salmivalli (2017) Bullying in schools: the state of knowledge and effective interventions, *Psychology, Health & Medicine*, 22(1), 240-253, DOI: 10.1080/13548506.2017.1279740
- Fathilah Akmal Ismail, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. (2016). Buli dan Gangsterisme di Sekolah. *International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016)*. 31 Oktober & 1 November 2016.
- Gita Mutiara. (2021). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Perilaku *Bullying* pada Peserta Didik di Madrasah Tsanawiyah Sekota Bandar Lampung. UIN Raden Intan Lampung. <http://repository.radenintan.ac.id/id/eprint/15140>
- Husnizam Hosin. (2022). Kesan Buruk Buli Amat Teruk. Utusan Malaysia. Diakses pada 17 Januari 2024, daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/06/kesan-buruk-buli-amat-teruk/>
- Intan Mas Ayu Shahimi. (2019, 7 Disember). Semua Pihak Perlu Peka Isu Buli. MyMetro. Diakses pada 18 Januari 2023, daripada <https://www.hmetro.com.my/WM/2019/12/524305/semua-pihak-perlu-peka-isu-buli>

- Kementerian Kesihatan Republik Indonesia. (2023, March 14). *13 Faktor Penyebab Bullying yang Tidak Boleh Diremehkan* (R. Utari, Ed.). SehatQ. Diakses pada 18 Mac 2023, daripada <https://www.sehatq.com/artikel/faktor-penyebab-bullying-yang-wajib-diketahui-orangtua>
- Kementerian Pemberdayaan Perempuan Dan Perlindungan Anak Republik Indonesia. (2016, 15 Jun). Bullying. Diakses pada 18 Mac 2023, daripada <https://www.kemenpppa.go.id/index.php/page/read/32/952/januari-ratas-bullying-kpp-pa>
- Khalid Mahadi. (2007). Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di Sarawak. *Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education*.
- Latifah Arifin. (2023, 1 November). Kes Buli di Sekolah Terus Meningkat – Hui Ying. Berita Harian Online. Diakses pada 17 Januari 2024, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1171753/kes-buli-di-sekolah-terus-meningkat-hui-ying>
- Maruwiah Ahmat & Nur Liyana Abu Bakar. (2021). Buli, Ponteng & Penyalahgunaan Gajet Merugikan Diri. Selangor: Penerbitan Inspirasi Sdn. Bhd.
- Mohd Razimi Husin, Nur Izzati Mat Isa, Nur Haqima Farhana Abdul Rahim, Wan Nur Izzwani Wan Izham, Nur Atasya Izati Bakeri, Faraha Nurhafiza Shamsul Anuar dan Najih Mohbob. (2020). Gejala Membuli dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 2(1), pp. 22-33, April 2020. DOI: 10.36079/lamintang.jhass-
- Mohd Rodzi Akob. (2019). Implikasi Gejala Buli Terhadap Emosi Dan Tingkah Laku Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Luar Bandar. *Fakulti Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris*. <https://ir.upsi.edu.my/doc.php?t=p&id=c037d97ca70827d7c70c091e34cf265f65a92d7e0c47d>
- Muhammad Afham Ramli. (2022, 24 Mei). 38 Kes Buli di Sekolah dalam Tempoh 4 Bulan. Sinar Harian. Diakses pada 18 Januari 2024, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/203716/berita/semasa/38-kes-buli-di-sekolah-dalam-tempoh-4-bulan>
- Nor Syamira Liana Nor Ashaha. (2023, 11 Julai). Perbuatan Buli Beri Kesan Jangka Panjang. Sinar Harian. Diakses pada 18 Januari 2024, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/267582/suara-sinar/analisis-sinar/perbuatan-buli-beri-kesan-jangka-panjang>
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. (2015). Faktor Internal Individu dan Delinkuensi: Kajian ke atas Remaja Perempuan di Asrama Akhlak Perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 185–202. <https://doi.org/10.32890/jps.18.2015.11519>
- Norzalina. (2022, 25 Julai). Kes Buli Malaysia Di Tangga Ke-6 Tertinggi Di Dunia, Kedua Di Asia! Hadam Nasihat Tan Sri Dr Noor Hisham Ini. NONA. Diakses pada 18 Januari 2024, daripada <https://www.nona.my/kes-buli-malaysia-di-tangga-ke-6-tertinggi-di-dunia-kedua-di-asia-hadam-nasihat-tan-sri-dr-noor-hisham-ini/>
- Nur Adlin Yusof dan Mohd Izwan Mahmud. (2019). Faktor Berlakunya Gejala Buli Dalam Kalangan Pelajar. *Konvensyen Kaunseling Kebangsaan Kali Ke 21 Pendayaupayaan Kendiri Melalui Kaunseling. 1-2 April 2019*.
- Nurul Hidayah Bahaudin. (2023, 13 November). Kes Buli MCKK: 2 Ahli Keluarga Mangsa Buli Dipanggil Beri Keterangan Esok. MyMetro. Diakses pada 17 Januari 2024, daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1029985/kes-buli-mckk-2-ahli-keluarga-mangsa-buli-dipanggil-beri-keterangan-esok>

- Olweus, D. (1995). Bullying or peer abuse at school: Facts and interventions. *Current Directions in Psychological Science*, 4(6), 196–200. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.ep10772640>
- Putri Zuleikha. (2022). *Meneliti Kesalahan Kategori Berat di Sekolah*. Kuala Lumpur: Penerbitan DE.
- Risha Desiana Suhendar. (2018). Faktor-faktor Penyebab Perilaku Bullying Siswa di SMK Triguna Utama Ciputat Tangerang Selatan. Fakultas Ilmu Dakwah Dan Ilmu Komunikasi Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Sigit Nugroho, Seger Handoyo, & Wiwin Hendriani. (2020). Identifikasi Faktor Penyebab Perilaku Bullying di Pesantren: Sebuah Studi Kasus. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 17(2), 1–14. [https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2020.vol17\(2\).5212](https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2020.vol17(2).5212)
- Sinar Harian. (2021, 12 Desember). Gejala Buli Perlu Dianggap Jenayah Berat: Bapa Zulfarhan. Sinar Harian. Diakses pada 18 Januari 2024, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/177415/berita/semasa/gejala-buli-perlu-dianggap-jenayah-berat-bapa-zulfarhan>
- Valerie L. Marsh. (2018). Bullying in School: Prevalence, Contributing Factors, and Interventions. *The Center for Urban Education Success at the University of Rochester's Warner School of Education* | www.rochester.edu/warner/cues/ 2
- Vikneswaran Sabramani, Idayu Idris, Halim Ismail, Thiyagar Nadarajaw, Ezarina Zakaria, Mohammad Rahim Kamaluddin. (2021). Bullying and Its Associated Individual, Peer, Family and School Factors: Evidence from Malaysian National Secondary School Students. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 18. 7208. 10.3390/ijerph18137208.
- Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Nur Syahirah Jalaudin dan Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Pengaruh Tingkah Laku Buli Terhadap Kesehatan Mental dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, Vol 1, 2019, 87-105.
- Wang, H.; Tang, J.; Dill, S.-E.; Xiao, J.; Boswell, M.; Cousineau, C.; Rozelle, S. Bullying Victims in Rural Primary Schools: Prevalence, Correlates, and Consequences. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2022, 19, 765. <https://doi.org/10.3390/ijerph19020765>
- Zuraidah Othman. (2013). Pembentukan Ilmuwan Beradab Melalui Penerapan Konsep Ta'dib dalam Pendidikan: Suatu Analisis. *Jurnal al-Tamaddun*. 8(2). 27-35.